

## FATWA SEBAGAI RUJUKAN DAN AUTORITI DI MAHKAMAH SIVIL MALAYSIA

### *Fatwa as an Authority in Civil Courts of Malaysia*

<sup>i</sup> Mohd Kamel Mat Salleh, <sup>ii</sup> Mohd Al Adib Samuri & <sup>iii</sup> Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim

<sup>i</sup> Calon PhD, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
mohdkamel73@yahoo.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
al\_adib@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
izhar@ukm.edu.my

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri memperuntukkan bahawa fatwa diiktiraf di mahkamah sivil Malaysia. Ini membolehkan hakim merujuk kepada fatwa dalam kes yang dibicarakan. Namun, kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti di mahkamah sivil masih memerlukan penjelasan. Artikel ini akan mengemukakan sudut pandang keautoritian fatwa dalam penghakiman di mahkamah sivil. Method analisis dokumen terhadap kes-kes mahkamah akan digunakan bagi mengenal pasti sama ada pandangan mufti dan fatwa yang dikeluarkan itu benar-benar menjadi rujukan dan berautoriti di mahkamah sivil Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian kes di mahkamah sivil merujuk dan menerima fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di negara ini. Ini menjelaskan kedudukan fatwa yang membantu para hakim dalam menyelesaikan pertikaian di mahkamah sivil terutamanya jika pertikaian itu melibatkan hukum syarak. Rujukan fatwa di mahkamah sivil berkemungkinan kerana ketidakmampuan hakim menyelesaikan pertikaian yang melibatkan hukum syarak.</i></p>	<p><i>States Enactment of Islamic Religious Administration provides that fatwa is recognized in Malaysian civil court. The recognition of fatwa allows the civil court judges to refer to the fatwa for any case put on trial. However, the position of fatwa and mufti's opinion as authority in the civil court requires further clarification. This paper will explain the authority of fatwa in Malaysian civil court. Document analytical methods on court cases will be used to identify whether the issued mufti's opinion and fatwa are really taken as reference and become authoritative in Malaysian civil court. The study found that most cases in the civil courts referred and accepted the fatwa issued by fatwa institutions. Study findings explain the position of fatwa that helps the judges to resolve disputes in the civil courts, especially for cases that involve the Islamic law. Reference of fatwa in civil court ruling is likely due to inability of judges to resolve disputes that involve the Islamic law. For fatwa that is not taken as reference, it could possibly be that the judges tend to overlook on the importance of fatwa for they view that written civil law are much more relevant and applicable. This study is important to present fatwa as an</i></p>

Terdapat juga fatwa yang tidak dirujuk berkemungkinan hakim berpandangan tiada keperluan untuk merujuk kepada fatwa memandangkan undang-undang bertulis sivil lebih relevan dan terpakai. Kajian ini penting bagi menggambarkan kedudukan fatwa sebagai sumber hukum yang berautoriti dalam sistem peradilan di Malaysia malahan pengaruhnya merentasi mahkamah sivil yang sekular.

**Kata Kunci :** Fatwa, Autoriti, Mahkamah, Sivil.

*authoritative source of law in the judicial system in Malaysia, in fact the influence of fatwa transcends the civil court that is secular in nature.*

**Keyword(s):** Fatwa, Authority, Court, Civil

## PENDAHULUAN

Fatwa adalah salah satu instrumen perundangan Islam yang turut menjadi rujukan di mahkamah sivil Malaysia. Namun, tidak terdapat peruntukan undang-undang yang jelas menyatakan bahawa fatwa mesti menjadi rujukan di mahkamah sivil. Peruntukan undang-undang Islam negeri hanya menyebut bahawa mahkamah sivil boleh meminta Mufti/Jawatankuasa Fatwa untuk memberi pendapat mengenai Hukum Syarak dan Mufti boleh memberikan pendapatnya kepada Mahkamah itu (Akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri semua negeri kecuali Sarawak, Johor, Melaka dan Perlis).

Dalam konteks perundangan sivil, rujukan mufti adalah merujuk kepada keterangan pakar bahawa mahkamah boleh apabila perlu untuk mendapatkan sesuatu pendapat atau perkara daripada mereka yang mahir dalam sesuatu bidang pengkhususan (seksyen 45, Akta Keterangan 1950). Namun begitu, fatwa yang diwartakan tidaklah mengikat mahkamah sivil (Farid Sufian Shuaib 2010; Suwaid Tapah 2004; Ahmad Hidayat Buang 2012, 2004 dan Mohd. Daud Bakar 1997).

Sama ada mahkamah sivil menerima atau menolak fatwa tersebut, ia bergantung kepada budi bicara hakim yang mengadili kes tersebut. Artikel ini akan menjelaskan kedudukan fatwa sebagai autoriti di mahkamah sivil, adakah ia diterima dan dijadikan rujukan dalam penghakiman atau sebaliknya dan sejauh mana ia menjadi rujukan kepada hakim dalam memutuskan sesuatu kes perbicaraan di mahkamah.

## FATWA DI MAHKAMAH SIVIL: SOROTAN SEJARAH

Terdapat beberapa institusi pentadbiran Islam di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah British yang menunjukkan bahawa kedudukan mufti dianggap sebagai ketua eksekutif pentadbiran dan kehakiman agama dalam negara. Kedatangan penjajah British tidak melenyapkan terus undang-

undang Islam, bahkan fatwa dan mufti tetap berada dalam kerangka perundangan yang berjalan di Tanah Melayu tetapi dengan pengawasan dari penasihat British.

Penjajah British telah mewujudkan jawatan mufti dalam sistem kehakiman dan perundangan di beberapa negeri Tanah Melayu yang berperanan menjalankan beberapa tugas penting seperti mengeluarkan fatwa. Di Negeri-Negeri Selat contohnya, mufti dan fatwanya menjadi rujukan dalam penghakiman. Dalam kes berkaitan munakahat, *Undang-Undang Mohamedan Marriage Ordinance 1880* bagi Negeri-Negeri Selat telah dipinda pada tahun 1908 dengan mewujudkan jawatan Mufti atas perantikan Gabenor bagi menjalankan peranan sebagai penasihat berkaitan hukum syarak. Ia diwujudkan bagi membantu *Registrar* menyelesaikan kes-kes rayuan mengenai perkahwinan dan perceraian yang sebelum ini menjadi skop tugas kadi. Beberapa buah buku telah disenaraikan sebagai rujukan dan autoriti dalam mengendalikan kes tersebut antaranya ialah *Mohamedan Law* oleh Syed Ameer Ali, *Howard's Translation of the Minhaj al-Talibin* dan *A Digest Mohamedan Law by Neil B.E. Bailie* (Abdul Monir Yaacob 2005 dan Othman Ishak 1981). Manakala di Johor, pada tahun 1919, mahkamah sivil telah diwajibkan merujuk kepada mufti untuk menentukan suatu hukum yang dipertikaikan di mahkamah, terutama apabila timbul persoalan berkaitan undang-undang Islam (Mohd Hisham Mohd Kamal 2009).

Walaupun berlakunya penjajahan British di Tanah Melayu, peranan mufti sebagai pakar rujuk agama masih berterusan. Dalam konteks Malaysia, seperti yang dibincangkan dari sudut perkembangan sejarah perundangan, mufti terus kekal berperanan dalam landskap perundangan moden sama ada sebelum mahupun pasca-kemerdekaan, terutamanya dari sudut perundangan Syariah. Menurut Ahmad Hidayat Buang (2004), fatwa-fatwa yang diberikan oleh para mufti dan para ulama dalam Majlis Mesyuarat Negeri atau Mahkamah semasa pemerintahan British di Malaya tetap diikuti dan menjadi autoriti walaupun pada dasarnya, fatwa tersebut tidak mengikat mahkamah. Dalam pentadbiran Inggeris juga, kedudukan mufti telah diangkat menjadi satu badan dan diberi gaji tetap, sedang sebelumnya dibayar melalui duit cukai dan denda. Apabila ia diangkat dan diterima dalam pentadbiran kerajaan, peruntukan mufti dibuat di bawah bidang agama. Dengan demikian, perjawatan dan kemudahan pentadbiran telah ditambah baik dari semasa ke semasa (Hasnan Kasan 2008).

Kes *Ramah lwn Laton* [1927] 6 FMSLR 128 membuka lembaran baru kepada kewujudan pejabat Mufti di Negeri-Negeri Melayu Melayu Bersekutu. Mahkamah Rayuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah memutuskan bahawa kes *Ramah lwn Laton* [1927] 6 FMSLR 128 hendaklah dirujuk kepada kadi/mufti kerana ia melibatkan berkenaan dengan undang-undang Islam (Mohd Hisham Mohd Kamal 2009). Mahkamah Rayuan di

Selangor pada tahun tersebut telah memutuskan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang negeri dan mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut (Ahmad Mohamed Ibrahim 1999). Apabila suatu tuntutan mengenai harta sepencarian dibuat di Mahkamah Tinggi sivil, hakim telah memanggil beberapa orang kadi untuk menjelaskan kepada pihak mahkamah berkenaan dengan harta sepencarian. Ahmad Hidayat Buang (2004) menjelaskan bahawa dalam kes tersebut, Kadi Hulu Langat dan Kadi Besar Selangor telah dipanggil memberi keterangan berkenaan undang-undang Islam berkaitan harta syarikat di antara suami dan isteri. Jawatan Kadi Besar ketika itu berfungsi sebagai mufti kerana jawatan Mufti secara rasmi masih belum diwujudkan ketika itu. Menurut Othman Ishak (1981), Mufti Negeri Selangor yang pertama hanya dilantik pada tahun 1953 yang disandang oleh Tuan Haji Yusof Shahabuddin. Ini adalah satu sandaran yang kukuh dalam menyatakan bahawa mahkamah sivil perlu dan wajar merujuk kepada mufti selaku pakar dalam undang-undang Islam, terutama atas kapasiti sebagai pendapat pakar melalui fatwa yang dikeluarkan dalam pertikaian yang melibatkan persoalan hukum syarak.

#### **AUTORITI FATWA DAN PENDAPAT MUFTI DI MAHKAMAH SIVIL**

Keautoritian fatwa dan pandangan mufti dalam konteks semasa diiktiraf berdasarkan peruntukan dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti dan Majlis melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri serta melalui proses pewartaan adalah merupakan fatwa yang turut diakui dan diiktiraf oleh mahkamah sivil.

Justeru apabila wujud pertikaian yang ada kaitan dengan hukum Islam di mahkamah sivil, maka fatwa boleh dijadikan sebagai rujukan dan autoriti. Ia dijelaskan dalam semua Enakmen, Akta dan Ordinan Negeri kecuali Sarawak, Johor, Melaka dan Perlis. Sebagai contoh dalam seksyen 38 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa "...dalam mana-mana mahkamah selain daripada Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Mufti tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapatnya kepada mahkamah yang meminta itu".

Terma "Mahkamah selain Mahkamah Syariah" yang dimaksudkan dalam peruntukan ini ialah mahkamah sivil kerana tafsiran "Mahkamah" dalam mana-mana peruntukan Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia adalah merujuk kepada Mahkamah Syariah yang meliputi Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah. Manakala peruntukan di Sarawak

pula menyebut “mana-mana mahkamah, termasuk mahkamah syariah”, justeru ia membawa maksud mahkamah sivil.

Ini menjadi bukti bahawa fatwa adalah termasuk autoriti hukum kepada hakim sivil dalam memutuskan sesuatu kes. Walaupun fatwa tidak mengikat hakim, adalah lebih baik sekiranya ia dirujuk kerana boleh membantu para hakim dalam penghakiman, terutama dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak. Para hakim sivil tidak mempunyai kepakaran berkaitan undang-undang Islam. Tidak dapat tidak mereka memerlukan kepada fatwa dan pendapat mufti dalam memandu dan membantunya memutuskan hukum. Ia juga boleh menjimatkan kos perbicaraan agar tidak mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

Analisis kes mendapati, fatwa dan pendapat mufti sering dirujuk oleh para hakim sivil dalam perbicaraan, namun dalam beberapa kes lain, ia ditolak daripada dijadikan autoriti penghakiman. Sebagai contoh, penolakan fatwa tentang kesahihan wakaf oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Commissioner of Religious Affairs, Terengganu dan lain-lain lwn Tengku Mariam* [1969] MLJ 110. Ia ditolak atas justifikasi bahawa Mahkamah Tinggi tidak hanya merujuk kepada hukum Islam, tetapi melihat juga kepada undang-undang awam negeri. Keputusan ini mewujudkan pertentangan, manakah yang lebih diutamakan sebagai rujukan sama ada pandangan hukum yang telah diputuskan oleh mereka yang berautoriti dalam bidang agama seperti mufti ataupun undang-undang ciptaan manusia. Dalam kes di atas, rujukan yang lebih diutamakan ialah pandangan hakim sivil dan menolak ketetapan fatwa yang dikeluarkan. Namun begitu, terdapat catatan dan kajian menunjukkan bahawa fatwa dan pendapat mufti telah dirujuk dan dijadikan autoriti dalam beberapa kes antaranya ialah kes *Re Bentara Luar, Si Mati, Hj. Yahya bin Yusoff dan lain-lain lwn Hassan bin Othman dan lain-lain* [1981] 2 MLJ 352, kes *Viswalingam lwn Viswalingam* [1980] 1 MLJ 10 dan kes *Re Estate Sheikh Mohamad bin Abdul Rahman bin Hazim* [1974] 1 MLJ 184.

Sebelum pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 121 (1A) pada tahun 1988, penetapan hukum yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah (dulunya disebut Mahkamah Kadi), termasuk fatwa yang dikeluarkan oleh mufti disifatkan tidak muktamad. Dalam beberapa penghakiman, keputusan Mahkamah Kadi diketepikan dan fatwa pula tidak mengikat mahkamah sivil (Abdul Monir Yaacob 2005). Selepas pindaan, kewibawaan mahkamah Syariah mula terserlah dan turut terkena kesannya kepada fatwa serta pendapat mufti apabila ia semakin didengar dan dirujuk. Fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa juga dilihat sentiasa menjadi rujukan. Terdapat beberapa kes yang merujuk kepada fatwa dan diterima oleh pihak mahkamah.

Mahkamah boleh mengambil beberapa pendekatan untuk mendapatkan fatwa dan pandangan mufti berkaitan hukum syarak dalam

persoalan yang dibicarakan. Pandangan ini berdasarkan kepada beberapa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang memperuntukkan sedemikian. Walaubagaimanapun, untuk menjaga imej, maruah dan kredibiliti para mufti, peruntukan undang-undang negeri menyebut bahawa mereka tidak boleh disaman untuk hadir ke mahkamah bagi memberi pandangan atau menjadi saksi bagi satu-satu perbicaraan. Maka untuk mendapatkan pandangan mufti dan fatwanya, affidavit dan keterangan bertulis mereka sebagai pendapat pakar boleh diterima di mahkamah.

Di sebalik isu pro dan kontra fatwa sebagai rujukan di mahkamah sivil, ia tetap relevan dalam beberapa kes di mahkamah, seperti yang telah diamalkan oleh mahkamah British di bekas tanah jajahan mereka (Kartik Raman 1994) dan masih diamalkan di mahkamah Inggeris (David Pearl 1995). Dalam usaha untuk mengelakkan apa-apa kesilapan dalam memahami permasalahan dalam sistem dan undang-undang Islam, mahkamah sivil perlu merujuk kepada pendapat mufti sebagai pihak berkuasa dan pakar agama untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai undang-undang Islam (Asaf Fyzee 1963), namun dengan kata kunci, bahawa ia tetap tidak mengikat mahkamah.

Kebergantungan mahkamah sivil kepada mufti boleh difahami melalui keputusan Salleh Abas dalam kes *Re Bentara Luar, Si Mati, Hj. Yahya bin Yusoff dan lain-lain lwn Hassan bin Othman dan lain-lain* [1981] 2 MLJ 352 yang menyatakan bahawa: "hakim mahkamah sivil tidak dilatih dalam perundangan Islam berbanding mufti yang telah mengkaji tafsiran undang-undang Islam. Begitu juga hakim dalam kes *Isa Abdul Rahman & lagi v Majlis Agama Islam, Pulau Pinang* [1996] 1 CLJ 283 menyatakan bahawa fatwa tidak boleh mengikat mahkamah sivil kerana mahkamah sendiri tidak boleh ditafsirkan sebagai orang-orang Islam, walaupun fatwa itu disebut dan dinyatakan dalam mana-mana prosiding sivil. Dalam kes ini, dua fatwa yang bertentangan mengenai perubahan status wakaf dari kedua-dua negeri yang berbeza telah dikemukakan kepada mahkamah sivil, menyebabkan berlaku kekeliruan mengenai fatwa mana yang lebih tepat untuk dijadikan autoriti dan manakah yang lebih sesuai untuk digunakan untuk kes itu.

Memandangkan fatwa adalah satu instrumen yang penting dalam konteks perundangan, walaupun tidak terikat kepada kes-kes yang dihadapi di mahkamah, ia wajar menjadi autoriti dalam perbicaraan bagi mengelakkan sebarang pertikaian di mahkamah. Seperti yang diujahkan oleh Abdul Monir Yaacob (2005), dalam pertikaian kes berkaitan orang Islam dan bukan Islam, mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa membicarakannya dan ada kalanya mahkamah mengambil fatwa daripada mufti sebelum penghakiman diputuskan.

## FATWA DAN PENDAPAT MUFTI MENJADI RUJUKAN PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SIVIL

Terdapat beberapa kes di mahkamah sivil yang menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai rujukan serta diterima dalam penghakiman. Kes-kes yang tersenarai di bawah telah diputuskan oleh hakim sivil dalam penghakiman yang menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai rujukan. Kes-kes ini diperolehi daripada *Shariah Law Report*, *The Current Law Journal* dan *The Malayan Law Journal*.

1. *Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang v Abdul Latiff Hassan (As Administrator Of Estates Of Hj Mohammad Hj Abdul Rasid; Deceased) & Anor* [2016] 2 CLJ 150

Ini adalah kes berkaitan tanah yang dikatakan telah melalui proses perjanjian jual beli antara defendan pertama dan kedua. Dalam masa yang sama, tanah tersebut dikatakan adalah tanah wakaf yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Isu yang diketengahkan dalam kes ini ialah penyingkiran kaveat persendirian defendan kedua dan pembatalan nama defendan kedua/pertama daripada tajuk dokumen hak milik tanah tersebut.

Dalam kes ini, hakim diberi maklum bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan mengikat orang Islam dalam negeri Pulau Pinang. Status fatwa tersebut mesti dipatuhi kerana para defendan adalah orang Islam yang terikat dengan fatwa yang dikeluarkan itu.

Dokumen sokongan menunjukkan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf, antaranya ialah surat *deed pool* bertarikh 6 September 1982, peruntukan seksyen 89 dan 90 Enakmen 2004 serta pengesahan surat bertarikh 13 Jun 2014 dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang yang memaklumkan plaintif bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil 3/2014 bertarikh 21 dan 22 Mei 2014 memutuskan tanah itu adalah tanah wakaf.

Oleh itu jual beli tanah wakaf adalah tidak sah mengikut undang-undang Islam. Seperti yang diputuskan oleh hakim dalam kes ini, beliau menyebut:

“...in this present case, the ruling that this land is wakaf land has been determined by the Fatwa Committee pursuant to section 47 of the 2004 Enactment based on the deed poll and indenture and a fatwa to the effect had been issued. The said fatwa is an Islamic edict that has to be obeyed by the first defendant who is a Muslim. Hence, with the fatwa ruling, this court will be merely implementing the said ruling that the land is wakaf land and gives the necessary reliefs that the

plaintiff is asking which are within the civil jurisdiction of the High Court Malaya. There is therefore, no issue of this court trespassing into the civil jurisdiction of the Syariah Court on wakaf matters...".

Secara jelas hakim dalam kes ini mengambil pendekatan yang tepat apabila menjadikan keputusan fatwa sebagai rujukan dan menerima keputusan tersebut bagi menjawab kemusykilan dalam kes yang diadilinya. Sesungguhnya penetapan sesuatu tanah itu sama ada statusnya wakaf atau sebaliknya tidak wajar diputuskan sekadar merujuk kepada dokumen bertulis semata-mata tanpa disokong dengan pandangan dari sudut perspektif hukum syarak.

Dalam hal ini, memang sudah terdapat dokumen sokongan dalam bentuk keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti. Justeru, mahkamah membuat pendirian yang wajar dengan mengambil sikap akur dan menerima fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri selaku badan berautoriti yang memutuskan hukum syarak sebagai rujukan orang Islam dalam negeri berkenaan. Ini diperkukuhkan lagi dengan bukti lain yang menunjukkan bahawa tanah tersebut sememangnya tanah wakaf dan tidak layak diperdagangkan dalam bentuk jual beli.

2. *Ahmad Yahaya lwn Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang* [2015] 1 LNS 802 dan [2016] 1 CLJ 1018

Dalam kes ini, pemohon telah membuat permohonan untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membatalkan atau memadamkan nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada geran yang dikenali sebagai Geran Mukim 2393, Lot No. 4112, Mukim 05, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Pada geran harta tersebut, ada catatan pada bahagian 'Pemilikan dan Alamat' bahawa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mendapat 1/1 daripada bahagian wakaf itu. Pihak pencilah melalui affidavit yang diikrarkan oleh Setiausaha MUIPP, Encik Sazali bin Hussein menegaskan bahawa, tanah tersebut adalah tanah wakaf dan telah diletakhak atas nama MUIPP pada 10 Mac 1998 di bawah peruntukan seksyen 415(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965.

Pihak pencilah juga menegaskan bahawa tanah tersebut telah diwakafkan untuk masjid di Lahar Keper berdasarkan kepada 'Deed Poll' bertarikh 13 April 1900. Pemohon dalam kes ini sebaliknya berhujah bahawa tanah tersebut bukan tanah wakaf kerana dalam 'Deed Poll' tersebut tiada perkataan yang jelas menyatakan tanah berkenaan telah diwakafkan. Isu pertama dalam permohonan ini adalah sama ada tanah tersebut telah menjadi tanah wakaf berdasarkan 'Deed Poll' bertarikh 13 April 1900 itu.



Konflik berlaku apabila dalam 'Deed of Gift' bertarikh 26 Mac 1965, Haji Udin bin Haji Omar iaitu datuk kepada pemohon, atas dasar kasih sayang telah menyerahkan pemilikan *benefisial* tanah tersebut kepada pemohon. Dalam penghakimannya, Hakim Nordin Hassan menyebut:

"...Berkaitan tanah yang menjadi perkara dalam permohonan ini, Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam mesyuaratnya pada 29-30 April 2015 telah memutuskan bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf. Tiada sebarang rayuan dibuat terhadap keputusan Jawatankuasa Fatwa ini. Setelah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam permohonan ini terutama 'Deed Poll' bertarikh 13 April 1900, saya tidak mempunyai alasan untuk berbeza pandangan dengan pihak Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang yang arif mengenai undang-undang wakaf dalam Islam dan juga merupakan autoriti berhubung perkara-perkara undang-undang Islam..."

Rumusan yang dapat dibuat di sini adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang, tanah tersebut adalah tanah wakaf dan ia selaras dengan prinsip undang-undang yang dinyatakan terdahulu. Keputusan Jawatankuasa Fatwa ini tidak pernah dicabar atau dibuat rayuan oleh pemohon sebelum ini. Oleh itu, fatwa ini adalah sah dan berkuatkuasa. Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang juga telah memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang sebagai pemegang amanah tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang. Oleh itu nama MUIPP iaitu pencelah dalam kes ini telah didaftarkan dalam geran harta tersebut menurut peruntukan seksyen 415(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 setelah mengisi dan mendaftarkan Borang 30A pada 10 Mac 1998.

Oleh yang demikian, pendaftaran nama pencelah pada geran tersebut adalah teratur dan mematuhi kehendak undang-undang. Berdasarkan huraian fakta dan prinsip undang-undang yang dinyatakan, permohonan pemohon adalah ditolak oleh Hakim Nordin Hassan. Fatwa Negeri Pulau Pinang menjadi rujukan dan autoriti dalam kes ini disebabkan ia tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis iaitu Kanun Tanah Negara 1965.

Kes ini dapat mengengahkan dua perspektif dalam menjadikan fatwa sebagai autoriti iaitu (1) fatwa sememangnya diiktiraf oleh hakim sivil sebagai rujukan atau sumber hukum dalam menyelesaikan pertikaian di mahkamah, walaupun tidak pernyataan yang jelas bahawa hakim terikat dengan fatwa tersebut. (2) Kewujudan undang-undang bertulis dalam rujukan kes ini iaitu Kanun Tanah Negara 1965 menjadi sokongan dan nilai tambah bahawa fatwa yang tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis adalah lebih diterima oleh hakim sivil sebagai rujukan dan autoriti. Namun penulis melihat bahawa berpegang semata-mata kepada undang-

undang bertulis dengan mengenyahkan keputusan fatwa sebagai rujukan hukum syarak tidak wajar berlaku kerana pertikaian berkaitan permasalahan hukum agama lebih wajar dirujuk kepada mereka yang pakar dan ahli dalam bidangnya. Dalam kes ini, tindakan hakim adalah tepat dan tidak wajar dipertikaikan.

3. *Linggam Sundarajoo Lwn Majlis Agama Negeri Kedah Darulaman*[1994] 2 CLJ 494

Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Alor Setar berkaitan perebutan mayat si mati. Plaintiff iaitu Linggam Sundarajoo telah memfailkan tindakan untuk injuksi melarang MAIK daripada mengambil keluar mayat si mati dari hospital atau pun mengkebumikannya mengikut cara Islam. Plaintiff juga memohon untuk pengisytiharan, bahawa si mati adalah seorang penganut agama Hindu seumur hidupnya termasuk ketika dia mati. Plaintiff turut mendakwa bahawa Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 1962 dan peraturan di bawahnya tidak membenarkan seorang bukan Islam yang menghidap penyakit jiwa menukar agamanya kepada agama Islam. Kes ini menimbulkan konflik apabila si mati dikatakan telah memeluk agama Islam sedangkan plaintiff mengatakan si mati menghidap penyakit jiwa semasa ia diislamkan. MAIK menegaskan bahawa si mati telah memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993. Dalam kes ini, mahkamah dikehendaki membuat keputusan sama ada si mati mempunyai akal fikiran yang waras atau sempurna semasa ia memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993 dan sama ada peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 atau peraturannya mengenai simati memeluk agama Islam dipatuhi sepenuhnya. Bagi mempertahankan pendiriannya, defendan telah memfailkan tiga afidavit yang diikrarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MAIK, Hakim Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar yang mengislamkan si mati dan Pegawai Pembantu Agama yang memproses kemasukan Islam si mati. Mereka juga memberi keterangan lisan bersumpah. Seorang doktor pakar perunding juga telah memberi keterangan bersumpah bagi pihak defendan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menegaskan bahawa dalam agama Islam jika seseorang itu didapati mengalami sakit jiwa ataupun gila, adakalanya ia baik dan waras maka pada masa kewarasannya beliau boleh membuat keputusan dan keputusan yang dibuat pada masa itu adalah mengikat dirinya pada masa waras serta boleh diterima oleh syarak. Hakim Mahkamah Syariah pula telah berikrar bahawa si mati telah datang ke pejabatnya pada 18 Mei 1993 untuk memeluk agama Islam. Beliau telah menemuramah si mati dan mendapati beliau telah memberi kerjasama yang baik dan tidak menunjukkan beliau mengalami tekanan jiwa mahupun sakit

jiwa. Setelah beliau pastikan si mati rela hati masuk Islam tanpa paksaan atau ugutan beliau telah mengislamkannya menurut undang-undang. Si mati memilih nama Omar Veera bin Abdullah dan satu kad Pendaftaran Islam telah dikeluarkan kepada si mati dengan nama tersebut.

Dalam kes ini, Hakim Mohd Noor bin Haji Abdullah membuat kesimpulan dan menghukumkan bahawa peruntukan Enakmen dan peraturan di bawahnya telah dipatuhi mengenai kedudukan si mati memeluk agama Islam. Dalam kes ini, pandangan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MAIK dijadikan rujukan dan berautoriti. Dalam penentuan status keislaman seseorang pastinya memerlukan kepada pembuktian yang betul-betul tepat. Ia tidak boleh dilakukan secara mudah tanpa mendapatkan pandangan mereka yang pakar. Dalam kes ini yang dipertikaikan ialah tahap kewarasan seseorang individu ketika mengambil keputusan untuk memeluk Islam adakah di sana wujudnya unsur paksaan atau sebaliknya memeluk Islam secara rela. Justeru pembuktian melalui pendapat pakar dalam bidang agama dan kesihatan amat diperlukan bagi membantu hakim dalam mengeluarkan keputusan. Maka dalam kes ini, hakim yang bijaksana telah mengambil langkah yang tepat merujuk kepada mereka yang pakar dan ahli dalam bidang berkaitan termasuk pandangan Jawatankuasa Fatwa Negeri.

#### 4. *Fathul Bari Mat Jahya & Anor v Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & ORS* [2012] 4 CLJ 717

Ini adalah kes berkaitan kesalahan melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Plaintiff telah ditahan di bawah seksyen 53(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 kerana mengadakan ceramah agama tanpa tauliah. Plaintiff telah dituduh di Mahkamah Rendah Syariah, Negeri Sembilan atas kesalahan tersebut namun kemudian berhasrat untuk mencabar kesahan dan keberlembagaan seksyen 53 tersebut yang didakwa adalah tak sah kerana melanggar peruntukan fasal 74(2) dan Perkara 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Plaintiff juga mendakwa, seksyen 53 itu tidak termasuk ke dalam skop Perkara 1, maka Mahkamah Syariah Negeri Sembilan adalah tidak berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kesalahan di bawah seksyen tersebut. Pempetisyen berhasrat dan telah memperoleh kebenaran untuknya berhujah di hadapan yang arif hakim-hakim Mahkamah Persekutuan.

Dalam kes yang dibicarakan pada 30 Mei 2012 ini, Hakim Mahkamah Persekutuan Putrajaya, Arifin Zakaria telah menyebut dalam penghakimannya:

“...Mahkamah bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Mufti Negeri Sembilan bahawa seksyen 53 Enakmen adalah merupakan perintah atau arahan yang dibuat oleh *Uli al-Amr* atau Kerajaan dan selagi perintah atau arahan tersebut tidak bercanggahan dengan al-Quran atau al-Sunnah dan bukan merupakan perintah atau arahan untuk berkecimpung dalam maksiat, maka adalah wajib untuk orang-orang Islam mematuhi perintah atau arahan tersebut. Pematuhan kepada perintah atau arahan sedemikian adalah sebahagian dari ajaran Islam...”.

Perlu difahami dengan jelas bahawa tanggungjawab dan peranan institusi fatwa negeri antara lain ialah mengeluarkan peraturan berkaitan agama Islam, mengeluarkan hukum atau fatwa bagi menjelaskan kepada masyarakat garis panduan yang perlu diikuti. Sama ada fatwa itu diwartakan atau sebaliknya, suatu yang wajar adalah kepatuhan dan akur kepada nasihat hukum yang telah dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti dalam sebuah negeri. Peruntukan seksyen 53 ini telah melalui perundangan apabila digubal oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Sewajarnya Fathul Bari akur dan memahami prosedur peruntukan ini dikeluarkan.

Menariknya kes ini juga apabila kedua-dua pihak iaitu pempetisyen dan responden membawa hujah dan affidavit pandangan pakar dalam bidang agama. Pempetisyen membawa affidavit dari Tan Sri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria (Mufti Perak) dan Profesor Madya Dato' Alim Panglima Haji Mat Jahya bin Haji Hussin (bekas Mufti Perlis) yang juga bapa pempetisyen. Manakala responden mengemukakan affidavit daripada Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Penasihat Undang-Undang Syariah di Jabatan Peguam Negara, Dato' Hj. Mohd Yusof bin Hj. Ahmad, (Mufti Negeri Sembilan) dan Ustaz Muhammad Fuad Bin Kamaludin, Pakar Akidah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Hakim yang bijaksana telah menganalisis setiap hujah yang diberikan berdasarkan dalil dan penjelasan yang dikemukakan. Dalil yang dibawa juga adalah relevan untuk dipertimbangkan oleh hakim. Dalam perbicaraan ini dibawa satu dalil berkenaan dengan pentaulihan yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada Muaz bin Jabal ketika baginda ingin mengutusnyanya sebagai duta dan mengajar agama Islam kepada penduduk Yaman. Dalam kes ini, hakim kelihatannya menerima dalil yang dikemukakan ini dan disokong kemudiannya dengan hujah dari sudut perundangan. Ini bermaksud hakim tidak bertindak membelakangi nas hadith, pendapat mufti dan kesahihan peruntukan undang-undang Islam negeri sebagai autoriti walaupun pempetisyen mempertikaikan kekuatan hujah yang dibawa responden. Namun apabila meneliti pandangan yang dikemukakan oleh pihak responden bertepatan dengan dengan prosedur dan

proses undang-undang, maka hakim memutuskan menolak permohonan pempetisyen dengan kos.

5. *Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Seberang Perai v Khatijah Yoan & ORS* [2010] 3 LNS 5 dan [2010] 4 CLJ 592

Kes ini berkaitan dengan tanah wakaf adakah boleh dijual dan jika dijual adakah batal dan tidak sah atau sebaliknya. Dalam kes ini, Mohd. Atan bin Mohamad adalah pemegang amanah kepada harta wakaf tersebut ingin menjual harta wakaf tersebut kepada Seberang Jaya Sdn. Bhd. Mufti Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Hasan bin Haji Ahmad telah dipanggil sebagai saksi bagi pihak Plaintiff iaitu MAIPP untuk memberi keterangan atas kapasiti keterangan pakar berkaitan hukum wakaf dalam Islam.

Mahkamah telah menerima dan menjadikan keterangan pakar itu sebagai autoriti bahawa harta wakaf adalah kekal buat selama-lamanya, tidak boleh berpindah milik dan tidak boleh dijual beli. Dato' Mufti menjelaskan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan satu peraturan bahawa harta wakaf tersebut memang merupakan wakaf yang sah dalam undang-undang.

Justeru haram hukumnya untuk menjual dan jika dijual, jualan tersebut dikira batal dan tidak sah. Pemegang amanah iaitu Mohd. Atan bin Mohamed tidak boleh menjual tanah wakaf itu kepada Seberang Jaya Sdn. Bhd. Dalam kes ini, Hakim Su Geok Yiam telah menerima dan menjadikan fatwa yang dikeluarkan bertarikh 8 Mei 1986 serta pendapat mufti sebagai autoriti dalam penghakimannya.

Penghujahan yang diberikan oleh Dato' Haji Hasan bin Haji Ahmad selaku Mufti Negeri Pulau Pinang ialah:

"...Wakaf tersebut adalah kekal buat selama-lamanya. Harta Wakaf tidak boleh dimiliki oleh sesiapa kerana ianya berpindah kepada Allah. Oleh yang demikian maka tidaklah ia milik pewakaf dan tidak pula milik penerima wakaf, tetapi segala manfaatnya adalah milik penerima Wakaf dan ia tidak boleh dijual beli. Ini seperti yang dinyatakan oleh Hadith Nabi berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Doktor Wahbah al-Zuhaili, dalam Kitabnya al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu Juz Kelapan halaman 155..."

"...Ahli-Ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan telah bersetuju memberi keputusan kepada soalan itu seperti berikut:

i. Tidak boleh dilakukan pembahagian unit-unit rumah mengikut nisbah tertentu di antara Pemegang Amanah dengan pemaju yang

- mana pada pendapat Jawatankuasa ini pihak pemaju akan menjual bahagian tersebut. Hukum penjualan harta Wakaf adalah haram.
- ii. Jika Pemegang Amanah menyeleweng daripada aturan syarak, maka bolehlah pihak Majlis Agama menahan dan seterusnya berkuasa di atas tanah itu..."

Hakim telah menerima fatwa dan pendapat mufti serta memutuskan bahawa tanah wakaf dalam kes ini tidak boleh dijual. Kes ini dibawa ke Mahkamah Rayuan iaitu dalam kes *Seberang Baru Sdn Bhd v. Maljis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai* [2011] 1 LNS 1768. Mahkamah Rayuan Putrajaya juga telah merujuk pendapat Mufti Negeri Pulau Pinang berkenaan fatwa adakah tanah yang menjadi pertikaian ini dianggap sebagai tanah wakaf yang tidak boleh dijual. Mahkamah telah merujuk dan menerima pandangan Mufti bahawa Mohd. Atan bin Mohamed sebagai pemegang amanah harta tersebut tidak boleh menjualkannya kepada Seberang Baru Sdn. Bhd. Fatwa yang dikeluarkan pada 8 Mei 1986 menyokong dapatan bahawa tanah yang dimaksudkan itu adalah harta tanah wakaf dan tidak boleh dijual.

Kes ini menunjukkan bahawa fatwa diterima sebagai autoriti dalam penghakiman kerana ia melibatkan persoalan hukum Islam dan wajar diberi penjelasan oleh mereka yang pakar. Dalam kes ini, pendapat mufti iaitu Mufti Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Hasan bin Haji Ahmad diterima sebagai pendapat pakar dan diakui oleh mahkamah.

#### **FATWA DAN PENDAPAT MUFTI TIDAK MENJADI RUJUKAN PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SIVIL**

Agak sukar untuk memperolehi kes-kes yang menunjukkan kepada penolakan fatwa oleh mahkamah sivil. Terdapat beberapa kes di mahkamah sivil yang tidak menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti bukan disebabkan penolakan terhadap fatwa, tetapi berkait dengan faktor teknikal seperti fatwa yang bercanggah dalam satu-satu kes, rujukan hakim terhadap keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang tidak disifatkan sebagai fatwa yang mengikat dan fatwa yang dilihat tidak membantu proses perbicaraan di mahkamah. Berkemungkinan juga kerana tiada keperluan kepada hakim untuk merujuk kepada fatwa/keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa dalam penghakiman. Walaubagaimana dalam konteks penulisan ini, beberapa kes dirasakan wajar diketengahkan bagi mengukuhkan pandangan bahawa terdapat fatwa/keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang dilihat relevan dengan kes, tetapi tidak pula dijadikan sebagai autoriti dan rujukan. Kes-kes tersebut antaranya adalah seperti yang tersenarai di bawah.

1. *Victoria Jayaseele Martin v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2001] 9 MLJ, [2011] 7 CLJ 233

Ini adalah kes permohonan peguam bukan Islam untuk mendapatkan tauliah sebagai peguam Syarie di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Permohonannya ditolak dan dinafikan oleh Jawatankuasa Peguam Syarie melalui surat yang dikeluarkan bertarikh 9 September 2009. Penolakan ini berasaskan kepada peraturan dan kelayakan yang ditetapkan di bawah Peraturan Peguam Syarie 1993 (PU(A) 408/1993) yang mensyaratkan seseorang peguam Syarie yang ingin beramal di Wilayah Persekutuan mestilah seorang yang beragama Islam. Dalam kes ini, peguambela responden pertama, Sulaiman Abdullah telah merujuk kepada keputusan yang dikeluarkan dalam Muzakarah kali ke 92 bertarikh 16 Disember 2010 oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang memutuskan bahawa:

“...demi menjaga kesucian dan kehormatan agama dan umat Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang bukan Islam adalah tidak dibenarkan dilantik sebagai Peguam Syarie berpandukan kepada kaedah-kaedah *fiqhiyyah* dan peruntukan undang-undang...” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010).

Walaupun penghakiman menolak permohonan pemohon namun dalam keputusannya, Hakim Mahkamah Tinggi, Rohana Yusuf J tidak menjadikan keputusan MJKF itu sebagai rujukan. Hakim beralasan bahawa keputusan Muzakarah tidak dijadikan autoriti kerana hakim tidak terikat dengan keputusan muzakarah yang tidak disifatkan sebagai fatwa. Jika ada fatwa di peringkat negeri sekalipun, mahkamah sivil tetap tidak terikat dengan fatwa. Walaupun keputusan tersebut bukannya fatwa kerana tidak diwartakan di peringkat Negeri, namun hakikat sebenarnya keputusan Muzakarah Fatwa tetap relevan untuk dirujuk dan dijadikan autoriti oleh para hakim memandangkan keputusan mahkamah dan pandangan Muzakarah adalah selari dan selaras. Walau bagaimanapun pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa tidak menjadi autoriti dalam kes ini.

Kes ini seterusnya dirayu ke Mahkamah Rayuan oleh pemohon [2013] 9 CLJ 444 dan [2014] 2 ShLR. Mahkamah telah memutuskan membenarkan rayuan serta mengeneipkan perintah-perintah Mahkamah Tinggi. Kes ini telah dihakimi oleh Abu Samah, Alizatul Khair dan Aziah Ali. Dalam penghakiman juga tidak dinyatakan apa-apa pernyataan menjadikan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang tidak membenarkan orang bukan Islam dilantik sebagai Peguam Syarie sebagai autoriti. Jika pun dirujuk, berkemungkinan keputusan Muzakarah itu ditolak kerana dianggap sebagai *ultra vires* dan bertentangan dengan perkara 5 dan/atau 10(1) (c)

Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes ini, hakim membenarkan rayuan perayu dengan mengenyepikan keputusan yang diputuskan sebelumnya di Mahkamah Tinggi.

Kes seterusnya dibawa ke peringkat Mahkamah Persekutuan [2016] 1 LNS 131 dengan keputusan majoriti para hakim mengenyepikan keputusan Mahkamah Rayuan. Keadaan ini menunjukkan bahawa peguam bukan Islam tidak boleh dilantik sebagai peguam syarie bagi mengendalikan kes-kes syariah. Seperti yang diujahkan oleh mahkamah, bagaimanakah keadaannya seorang peguam beragama Kristian boleh dan mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai peguam syarie dan membantu mahkamah Syariah yang berfungsi menegakkan undang-undang Syariah berdasarkan konsep kepercayaan kepada Allah sedangkan Victoria Jayasele seorang yang beragama Kristian yang mempunyai kepercayaan bercanggah dengan akidah Islam. Keputusan majoriti 3-2 itu dicapai oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Md. Raus Sharif, Tan Sri Ahmad Maarop dan Datuk Azahar Mohamed manakala keputusan menentang dicapai oleh Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Zaharah Ibrahim. Hakim turut berhujah bahawa antara kriteria penting seorang peguam Syarie adalah berakhlak mulia dan mempunyai akidah beriman kepada Allah dan meyakini hukum syarak secara sepenuh hati. Justeru mereka yang layak dilantik sebagai peguam Syarie adalah dari kalangan mereka yang beragama Islam sahaja.

Kes ini menampakkan sedikit konflik dari sudut penerimaan Keputusan Muzakarah sebagai autoriti dalam penghakiman. Proses perbincangan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ada memaklumkan mengenai keputusan Muzakarah yang dikeluarkan di peringkat Kebangsaan tetapi tidak diterima sebagai autoriti. Manakala penghakiman di Mahkamah Rayuan Putrajaya tidak menyebut langsung kedudukan keputusan Muzakarah peringkat Kebangsaan yang dikemukakan dalam perbincangan sebelumnya di Mahkamah Tinggi. Secara jelas, dalam kes ini tiada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang dijadikan autoriti oleh hakim. Begitu juga penghakiman di Mahkamah Persekutuan tiada menyebut langsung berkenaan dengan pandangan Muzakarah terhadap larangan orang yang bukan Islam untuk menjadi peguam Syarie. Para hakim berhujah dengan berpegang kepada sumber undang-undang seperti Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Wilayah Persekutuan 1993, Seksyen 59(1) dan (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Hakim turut berpandangan Kaedah 10 itu tidaklah bercanggah dengan Perkara 5, 8(1) dan 8(2), dan 10(1) Perlembagaan Persekutuan yang merangkumi kesamarataan, kebebasan dan hak berpersatuan. Seorang peguam MAIWP, Zulkifli Che Yong ketika ditemui pemberita selepas penghakiman berkata keputusan mahkamah itu bermakna peguam bukan Islam bukan sahaja tidak boleh beramal di Wilayah Persekutuan malah di



tempat lain kerana keputusan itu mengikat hampir kesemua negeri yang menggunakan pakai peruntukan undang-undang yang sama.

Kes ini menjadi petunjuk bahawa terdapat kecenderungan yang masih kuat di kalangan para hakim sivil untuk tidak menjadikan pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa sebagai rujukan penghakiman berkemungkinan atas alasan mereka tidak wajar terikat dengan keputusan yang disifatkan sebagai pandangan hukum sahaja dan bukannya undang-undang yang mengikat. Sedangkan jika keputusan Muzakarah tersebut dirujuk sekalipun, ia tidak sekali-kali merendahkan kedudukan para hakim yang arif lagi bijaksana kerana merujuk kepada pandangan yang sebenarnya membantu mereka mendapatkan hujah dan dalil sokongan. Terpulang kepada hakim sama ada untuk menerima atau menolak, namun apabila pandangan hukum yang dikeluarkan oleh badan berautoriti tidak dirujuk sedangkan ianya relevan, menunjukkan bahawa masih terdapat ruang kosong kedudukan hukum syarak/pandangan institusi fatwa kepada para hakim di mahkamah sivil.

2. *G Rethinasamy lwn Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Satu Yang Lain* [1993] 2 MLJ 166

Kes ini adalah satu perbicaraan di mahkamah sivil yang mendengar pandangan mufti dalam menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan masalah yang diperselisihkan. Fakta kes menyebut bahawa plaintif mendakwa dia adalah pemilik berdaftar lot 1214, seksyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Tanah tersebut dikatakan sebagai tanah wakaf oleh defendan pertama dan kedua iaitu Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan pengerusi serta ahli jawatankuasa kariah Masjid Kelawai Pulau Pinang. Kedua-dua defendan telah bersetuju untuk memindahkan kubur dan bangunan-bangunan yang didirikan di tanah tersebut, namun gagal melakukannya walaupun telah diminta berbuat demikian beberapa kali oleh plaintif. Konflik berlaku dari sudut pemilikan tanah kerana kedua-dua plaintif dan defendan masing-masing mengaku mempunyai hak ke atas beberapa lot dalam tanah berkenaan, sebahagiannya milik plaintif dan sebahagian yang lain adalah tanah wakaf. Bagi menguatkan hujah plaintif, beliau dan wakilnya telah menemui mufti dan kadi bagi mengambil pandangan berkenaan kedudukan kubur yang dibina di atas tanah miliknya itu. Dalam keterangannya plaintif mengatakan :

“...kedua-dua orang mufti dan kadi telah menyatakan kepada saya bahawa kubur yang dibina itu bukannya terletak di tanah wakaf tetapi didirikan di atas tanah milik saya, maka kubur tersebut hendaklah dipindahkan...”

Atas keyakinan tersebut, plaintif pada 2 Jun 1980 telah menulis surat kepada defendan memohon supaya kubur tersebut dipindahkan. Ketika perbicaraan berjalan, Dato' Mufti berkenaan telah meninggal dunia, manakala kadi tersebut telah dilantik sebagai mufti negeri Perak. Mufti tersebut turut hadir di mahkamah ini memberi keterangan bagi pihak defendan-defendan dengan menyatakan bahawa sebenarnya beliau tidak tahu sama ada tanah itu tanah wakaf atau tidak. Mufti turut menyatakan bahawa pandangannya itu bukanlah fatwa kerana fatwa adalah yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah yang membincangkan permasalahan secara khusus dan keputusan yang diputuskan hendaklah diwartakan sebagai fatwa. Sepanjang ingatan beliau, dikatakan kubur itu dibina di atas tanah orang dan jika begitu keadaannya, ia hendaklah dipindahkan.

Kes ini menunjukkan wujudnya keterangan pakar dalam menguatkan hujah dan sandaran hukum di mahkamah sivil. Mufti atas kapasiti pendapat pakar diperlukan dan dalam kes ini ia dipanggil sebagai saksi dalam penghujahan dan perbicaraan ini namun kekhilafan berlaku disebabkan pandangan yang dilihat tidak konsisten dalam mengisytiharkan kedudukan kubur dan tanah wakaf tersebut. Dalam kes ini, hakim berpandangan :

“...pendapat itu tidak lebih daripada pendapat mengenai hukum syarak berkenaan sesuatu masalah yang dikemukakan. Ia bukan satu pengakuan oleh majlis bahawa tanah berkenaan bukan tanah wakaf dan kubur-kubur berkenaan hendaklah dipindahkan. Oleh itu pendapat-pendapat yang diberi oleh kadi besar, mufti dan jawatankuasa syariah itu tidak boleh membangkitkan pembelaan bahawa tanah itu tanah wakaf, jika prinsip itu boleh dipakai sekalipun...”

Kes ini menunjukkan pandangan Jawatankuasa Syariah dan pendapat mufti tidak dijadikan autoriti kepada hakim dalam penghakimannya. Namun penolakan ini bukan disebabkan kepada fatwa yang dikeluarkan itu salah, tetapi fatwa itu tidak dipakai pada fakta yang betul. Dalam kes itu Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Pulau Pinang memutuskan bahawa sebahagian daripada masjid dan kubur yang berada hampir seratus tahun di atas tanah yang baru dibeli oleh G. Rethinasamy daripada seorang Cina dalam tahun 1980 hendaklah “dipindahkan”. Keputusan itu dibuat semata-mata berdasarkan pernyataan G. Rethinasamy bahawa tanah itu tanahnya dan sebahagian daripada masjid dan kubur itu berada di atas tanahnya tanpa kebenarannya. Jawatankuasa itu tidak langsung menimbang sama ada bahagian tanah yang di atasnya terletak sebahagian masjid dan kubur sejak beberapa lama itu adalah tanah wakaf. Kesilapan jawatankuasa itu bukan kerana ahli-ahlinya, yang terdiri daripada ulama yang berkaliber atau

kesilapan mereka dalam memahami hukum syarak, tetapi kerana kesilapan mengenai fakta kes.

3. *Isa Abdul Rahman dan lain-lain lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang* [1996] 1 CLJ 283

Ini adalah kes berkaitan tanah yang telah diisytiharkan sebagai tanah wakaf melalui satu surat ikatan penyelesaian bertarikh 26 September 1900 bahawa tanah yang diwakafkan itu adalah untuk digunakan sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang dan tidak untuk tujuan-tujuan lain. Pada 1 Disember 1989, berikutan suatu notis usul, perintah telah dibuat oleh Mahkamah di mana tanah wakaf ini telah diletak hak kepada defendan (Majlis) selaras dengan peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 1959. MAIPP kemudiannya telah membuat keputusan untuk merobohkan Masjid Simpang Enam dan membina di atasnya bangunan lima tingkat, tiga tingkat pertama sebagai pejabat Bank Islam, manakala tingkat empat dan lima sebagai masjid. Plaintif-plaintif dalam kes ini tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana mengikut mereka ia bertentangan dengan hukum syarak dan bertentangan dengan kepentingan awam. MAIPP menafikan cadangan itu bertentangan dengan tujuan sebenar wakaf tersebut.

Terdapat dua fatwa yang bertentangan dalam kes ini. Fatwa pertama telah dikeluarkan pada 4 Jun 1973 oleh Mufti Pulau Pinang ketika itu, Haji Adnan bin Haji Hashim setelah berbincang bersama Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang bahawa pertanyaan mengenai cadangan pembinaan masjid dan pejabat Bank Islam itu adalah berlawanan dengan hukum syarak dan tidak boleh dilaksanakan. Fatwa kedua pula dikeluarkan pada tahun 1989 dan diwartakan lima tahun kemudian melalui Warta Kerajaan Pulau Pinang No. 220 bertarikh 4 Ogos 1994 yang menyatakan bahawa cadangan Majlis membina masjid dan pejabat di atas tanah wakaf itu adalah harus di sisi syarak. Hakim Mahkamah Tinggi Malaya Pulau Pinang ketika itu, Dato' Abdul Hamid Haji Mohamed membahaskan dengan panjang lebar berkaitan fatwa sebagai rujukan di mahkamah sivil. Dengan tidak mengeneipkan kepentingan fatwa sebagai rujukan dalam penghakiman walaupun sifatnya tidak harus mengikat mahkamah sivil, tetapi wajar dipertimbangkan oleh hakim sebagai autoriti. Memandangkan adanya dua fatwa yang berbeza, Mahkamah mengesyorkan supaya Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang menimbang semula dua fatwa tersebut dan mengeluarkan fatwa mutakhir yang hendaklah berdasarkan penemuan fakta yang dikemukakan dalam kes ini.

Hakim Abdul Hamid Mohamad menyebut:

“...saya tidak akan membuat perisytiharan yang dipohon itu. Sebaliknya, saya ingin mengesyorkan supaya Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang menimbang semula masalah ini dan mengeluarkan fatwa yang mutakhir mengenainya. Fatwa yang hendak dikeluarkan itu hendaklah berdasarkan penemuan fakta yang saya telah buat dalam kes ini, iaitu bahawa cadangan membina pejabat Bank Islam di tiga tingkat yang terletak di bawah masjid yang dicadangkan akan dibina itu adalah bercanggah dengan tujuan amanah (wakaf) yang terkandung dalam Surat ikatan Penyelesaian bertarikh 26 September 1900 itu. Soalan yang perlu dijawab ialah, bolehkah atau haruskah, mengikut Hukum Syarak, tujuan amanah (wakaf) itu diubah seperti yang dicadangkan itu? Malah, saya berpendapat, adalah lebih baik jika masalah ini dikemukakan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk dipertimbangkan dan diputuskan. Kerana, inilah kali pertama satu rancangan seperti ini hendak dilakukan di negara kita, mungkin di dunia ini. Sekurang-kurangnya umat Islam di Malaysia akan memperoleh satu fatwa yang selaras di seluruh negara...”

Hakim walau bagaimanapun mengambil pendekatan untuk tidak memutuskan kes ini melainkan setelah Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang merujuk hukum ini secara lebih tepat kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI bagi dikeluarkan fatwa terkini agar pertikaian kes ini dapat diputuskan secara tepat dan adil. Namun apa yang jelas, hakim berpandangan, cadangan MAIPP bagi mendirikan pejabat Bank Islam adalah bercanggah dengan tujuan amanah yang terkandung dalam surat ikatan itu. Kenyataan hakim membuktikan wujudnya kepentingan fatwa sama ada di peringkat Negeri mahupun Kebangsaan sebagai satu sumber berautoriti dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku di mahkamah sivil yang mempunyai bidang kuasa membicarakan kes-kes tertentu yang ada kaitan dengan undang-undang Islam.

Kes ini dan kes *Victoria Jayaseele Martin v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2001] 9 MLJ, [2011] 7 CLJ 233 seakan-akan mempunyai perkaitan antara satu sama lain, terutama dari sudut kewajaran keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa peringkat Kebangsaan sebenarnya mempunyai tempat dan kedudukan sebagai autoriti dalam penghakiman di mahkamah sivil. Walaupun keputusan Muzakarah tidak mengikat dan dianggap tidak mempunyai latar belakang perundangan, namun penulis secara konsisten menyatakan bahawa ia amat relevan untuk diangkat sebagai rujukan di mahkamah sivil.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kes yang dirujuk, terdapat dua keadaan yang menjelaskan berkaitan dengan autoriti fatwa dan pendapat mufti, iaitu ada fatwa dan pandangan mufti yang dirujuk dan diterima dalam penghakiman di mahkamah sivil, begitu juga sebaliknya ada fatwa yang tidak dirujuk sedangkan fatwa ini ada kaitan dengan kes dibicarakan. Dapat dirumuskan kecenderungan hakim sivil untuk menjadikannya sebagai autoriti adalah isyarat bahawa fatwa diiktiraf oleh hakim sivil sebagai sumber kepada perundangan itu sendiri. Kecenderungan ini menunjukkan juga keyakinan mereka terhadap hukum Islam sebagai rujukan kepada permasalahan hukum semasa. Suatu yang pasti, kepakaran mereka lebih kepada undang-undang sivil, mengangkat dan menjadikan fatwa sebagai rujukan berautoriti adalah satu tindakan tepat kerana menyerahkan persoalan hukum syarak kepada ahlinya.

Berdasarkan kes-kes ini juga menunjukkan bahawa walaupun kes yang dibicarakan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil, namun rujukan kepada fatwa, undang-undang Islam dan pendapat pakar dalam hukum syarak adalah diperlukan agar penghakiman yang diberikan bertepatan dengan pandangan Islam. Lebih-lebih lagi dalam perbicaraan melibatkan hukum syarak, pengambilan sumber yang tepat dan relevan amat penting supaya penghakiman juga dapat berjalan dan diputuskan secara lebih adil terutama apabila dibicarakan dalam konteks mahkamah sivil. Hakim mahkamah sivil juga dilihat tidak mempunyai kelayakan berijtihad dalam menyelesaikan kes yang dibicarakan kerana mereka bukanlah golongan pakar dalam hukum syarak. Keterbatasan memahami hukum syarak ini mendorong para hakim sivil merujuk kepada fatwa dan pendapat mufti sebagai satu kaedah memutuskan hukum yang mereka sendiri kurang pengetahuan tentangnya.

Terdapat lima corak penerimaan fatwa sebagai autoriti iaitu (1) hakim sivil hanya merujuk kepada fatwa Negeri sahaja dan tidak merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa peringkat Kebangsaan, (2) mufti boleh dipanggil sebagai saksi atas kapasiti keterangan pakar, (3) keterangan bertulis atau afidavit mufti juga boleh diterima sebagai autoriti di mahkamah, (4) penerimaan kepada fatwa bukan dibuat dalam bentuk teks fatwa, tetapi lebih kepada pembuktian hujah dan fakta dan (5) sama ada fatwa mahupun pendapat mufti boleh sahaja diterima sebagai autoriti walaupun tidak diwartakan. Corak ini menjelaskan bahawa sememangnya mahkamah mengiktiraf kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti dalam penghakiman seperti yang diperuntukkan dalam statut Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri.

Kedudukan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI juga wajar diketengahkan sebagai alternatif kepada para hakim sebagai autoriti

dan rujukan di mahkamah kerana pandangan Muzakarah sebenarnya menjadi medan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri menerima dan mewartakannya di peringkat Negeri terutama isu yang melibatkan kepentingan nasional. Walaupun ia bukannya fatwa dan tidak mengikat mahkamah, tetapi menjadikannya sebagai autoriti di mahkamah sivil adalah suatu yang ideal dan amat relevan.

Kajian ini juga membuktikan bahawa hakim sivil tidak terikat untuk menerima dan mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa mahupun pendapat mufti kerana undang-undang sivil lebih utama untuk dirujuk dalam menyelesaikan pertikaian di mahkamah tanpa memerlukan panduan daripada mufti. Bagaimanapun, untuk memastikan mahkamah mendapat pendedahan dan maklumat tentang keberadaan sesuatu fatwa yang berkaitan dengan isu pertikaian, maka para peguam mahupun hakim sendiri wajar mendapatkan pandangan fatwa dan keterangan pakar kerana ketidakmampuan mereka menguasai hukum hakam syarak. Pengembelangan tenaga dan idea pakar sivil dan Syariah akan dapat merancakkan lagi wacana fatwa dan penerimaannya dalam perbahasan di mahkamah sivil Malaysia.

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada analisis kes yang dibincangkan dalam artikel ini jelas menunjukkan dua dimensi kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai rujukan di mahkamah sivil Malaysia. Penambahbaikan dan reformasi perundangan wajar dilakukan dalam menyelaraskan kedudukan fatwa dan pendapat mufti agar dapat dilihat mempunyai kerkredibiliti sebagai sumber rujukan tambahan kepada para hakim di mahkamah, kerana buat masa ini masih belum ada peraturan dan peruntukan undang-undang yang secara khusus menyebut bahawa fatwa harus menjadi rujukan di mahkamah sivil.

Dicadangkan juga para hakim mahupun para peguam yang terlibat dalam prosiding perbicaraan yang berkaitan dengan hukum syarak bersifat lebih peka meletakkan keutamaan rujukan fatwa sebagai salah satu kaedah mendapatkan sumber hukum agar suatu pertikaian itu dapat diputuskan dalam masa yang lebih cepat, tepat dan tidak bercanggah dengan hukum Islam yang terpakai kepada umat Islam di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Mohamad. (2016). *Konflik dan Pengharmonian (Konflik Bidang Kuasa dan Pengharmonian Undang-Undang)*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob. (2005a). *Kuasa Perundangan Dalam Sebuah Negara Islam : Kes Malaysia*. Dlm. Institut Kefahaman Islam Malaysia (pnyt.).

- Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 321–361.
- Abdul Monir Yaacob. (2005b). Ke Arah Mewujudkan Kerangka Perundangan Syariah Yang Lebih Lengkap Di Malaysia. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 1-19.
- Ahmad Hidayat Buang. (2012). Ke Arah Membangun Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa di Malaysia: Skop dan Kandungan. *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. 1-6
- Ahmad Hidayat Buang. (2004). Analisis Fatwa-Fatwa Syariah di Malaysia. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang. 163-180.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1999). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Asaf Fyzee. (1963). Muhammadan Law in India. *Comparative Studies in Society and History*, 5(4), 401–415.
- David Pearl. (1995). The Application of Islamic law in the English Courts. Dlm. E. Cotran and C. Mallat (pnyt.). *Yearbook of Islamic and Middle Eastern Law*. The Netherland: Brill. 3-11.
- Farid Sufian Shuaib. (2010). *Administration Of Islamic Law In Malaysia*. Petaling Jaya: Lexis Nexis.
- Hasnan Kasan. (2008). *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kartik Raman. (1994). Utilitarianism and the Criminal Law in Colonial India: A Study of the Practical Limits of Utilitarian Jurisprudence. *Modern Asian Studies*, 28(4). 739–791.
- Mohd Hisham Mohd Kamal. (2009). Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role. *Shariah Law Reports*, 3, 20–43.
- Mohd. Daud Bakar. 1997. Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam. *Jurnal Syariah, Jilid 5 Bil, 1*.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Suwaid Tapah. (2004). Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa. Dlm. Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang. 25-41.

## Senarai Kes

- Ahmad Yahaya lwn Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang* [2015] 1 LNS 802 dan [2016] 1 CLJ 1018  
*Commissioner of Religious Affairs, Terengganu dan lain-lain lwn Tengku Mariam*

[1969] MLJ 110

*Fathul Bari Mat Jahya & Anor v Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & ORS*  
[2012] 4 CLJ 717

*G Rethinasamy lwn Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Satu Yang Lain*  
[1993] 2 MLJ 166

*Isa Abdul Rahman & lagi v Majlis Agama Islam, Pulau Pinang* [1996] 1 CLJ 283

*Linggam Sundarajoo Lwn Majlis Agama Negeri Kedah Darulaman* [1994] 2  
CLJ 494

*Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang v Abdul Latiff Hassan (As  
Administrator Of Estates Of Hj Mohammad Hj Abdul Rasid;  
Deceased) & Anor* [2016] 2 CLJ 150

*Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Seberang Perai v Khatijah Yoan & ORS*  
[2010] 3 LNS 5 dan [2010] 4 CLJ 592

*Ramah lwn Laton* [1927] 6 FMSLR 128

*Re Bentara Luar, Si Mati, Hj. Yahya bin Yusoff dan lain-lain lwn Hassan bin  
Othman dan lain-lain* [1981] 2 MLJ 352

*Re Estate Sheikh Mohamad bin Abdul Rahman bin Hazim* [1974] 1 MLJ 184.

*Victoria Jayaseele Martin v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor*  
[2001] 9 MLJ, [2011] 7 CLJ 233

*Viswalingam lwn Viswalingam* [1980] 1 MLJ 10



**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*